

**KENYATAAN DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**30 APRIL 2020**

---

**1. SAMBUTAN HARI PEKERJA 2020**

Dimaklumkan bahawa Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2020 (Jumaat). Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada seluruh warga kerja Seberang Perai terutamanya Wira Barisan Hadapan yang bertugas semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**2. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK**

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat Hari Wesak kepada semua penganut agama Buddha yang bakal meraikannya pada 7 Mei 2020 (Khamis).

### **3. NUZUL AL-QURAN**

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Nuzul Al-Quran yang bakal disambut pada 10 Mei 2020 (Ahad). Marilah kita beramai-ramai berdoa semoga wabak Covid-19 dapat segera diangkat oleh Allah S.W.T..

### **4. SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2020**

Dimaklumkan bahawa seluruh umat Islam dijangka akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 24 Mei 2020 (Ahad) selepas berpuasa selama sebulan. Oleh itu, saya dengan rasa kesyukuran dan rendah hati ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada Barisan Wira Hadapan Covid-19, seluruh warga kerja MBSP dan penduduk Seberang Perai. Diharapkan perayaan pada tahun ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita dan saling menghormati antara satu sama lain.

## **5. PENUNDAAN MAJLIS CABUTAN PEMENANG SERTA MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PROMOSI CUKAI TAKSIRAN MBSP TAHUN 2020**

Dimaklumkan bahawa Majlis Cabutan Pemenang serta Majlis Penyampaian Hadiah Promosi Cukai Taksiran MBSP Tahun 2020 terpaksa ditunda ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak iaitu selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi seluruh negara tamat dan ianya tertakluk kepada keputusan serta pengumuman rasmi daripada pihak berkuasa.

MBSP memohon jutaan kemaafan kerana penundaan majlis ini adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. MBSP lebih memfokuskan tindakan-tindakan yang perlu diutamakan pada ketika ini demi kepentingan keselamatan, kesihatan serta kesejahteraan seluruh Seberang Perai. MBSP mengucapkan jutaan penghargaan kepada seluruh warga Seberang Perai yang telah menunaikan tanggungjawab membayar cukai taksiran pada masa yang telah ditetapkan.

Sekiranya terdapat pemilik yang masih belum membuat bayaran dan ingin menjelaskan cukai taksiran ketika pelaksanaan PKP ini,

ianya masih boleh dibuat secara atas talian (online) melalui kaedah seperti berikut:

1. Semak dan bayar melalui laman web MBSP iaitu <https://mbsp.gov.my>
2. Terus ke Payment Gateway MBSP iaitu <https://mbspay.mbsp.gov.my>
3. Perbankan internet seperti Maybank2u, CIMB Click dan sebagainya.
4. JomPay dengan menggunakan Biller Code: 5322
5. Portal ebayar Penang iaitu <https://ebayar.penang.gov.my>  
(Pemilik dikehendaki menggunakan no. akaun cukai taksiran semasa membuat transaksi bayaran. Sila rujuk bil-bil terdahulu untuk mendapatkan no.akaun. Untuk tatacara kaedah yang lebih lengkap, sila rujuk *Facebook Majlis Bandaraya Seberang Perai* bertarikh 17 Mac 2020)

Sila emel ke [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my) jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai cukai taksiran anda. MBSP juga akan memaklumkan informasi yang terkini dari semasa ke semasa sekiranya majlis cabutan pemenang ini diadakan semula melalui laman web MBSP serta Facebook MBSP.

## **6. PEMBATALAN SEBERANG PERAI INTERNATIONAL CONFERENCE ON ECOTOURISM AND CONSERVATION EFFORTS (SPICEC)**

Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah merancang untuk mengadakan 'Seberang Perai International Conference on Ecotourism and Conservation Efforts' (SPICEC) bagi tahun 2020 pada 3 dan 4 November 2020 namun konferen tersebut terpaksa dibatalkan akibat penularan wabak COVID-19 yang sedang melanda dunia pada ketika ini. SPICEC merupakan konferen antarabangsa yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi setiap dua (2) tahun bertujuan sebagai 'medium' kepada penggiat industri pelancongan, agensi kerajaan dan juga agensi bukan kerajaan untuk berkongsi pandangan dan pendapat dalam industri eko pelancongan.

MBSP menyeru semua warga Seberang Perai agar mematuhi perintah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada masa kini dan bekerjasama dengan kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19 ini.

## **7. PEMBATALAN PENGANJURAN BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2020 BERIKUTAN PENULARAN JANGKITAN NOVEL CORONAVIRUS (COVID-19)**

Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai memutuskan bagi membatalkan penganjuran *Butterworth Fringe Festival 2020* (BFF 2020) yang dianjurkan pada bulan Disember setiap tahun berikutan penularan *pandemic* jangkitan Novel Coronavirus (Covid-19). Butterworth Fringe Festival adalah program yang melibatkan orang yang ramai (mass gathering) perlu dibatalkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan ekoran daripada penularan wabak Covid-19 yang melanda seluruh negara. Semua orang awam dan warga Majlis Bandaraya Seberang Perai dinasihati agar mematuhi sepenuhnya *Standard Operating Procedure* (S.O.P) pengawalan penularan jangkitan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**